

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

**HKB 501 - Konvensi, Tipainduk dan Tema-Tema  
Kesusasteraan Asia**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN [8]** soalan di dalam **TIGA [3]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja, iaitu **DUA [2]** daripada **Bahagian A** dan **DUA [2]** daripada **Bahagian B**.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

**Bahagian A**

1. Apakah yang anda faham dengan konsep tipainduk dan apakah hubungkaitnya dengan konvensi pemikiran sesebuah masyarakat? Berdasarkan contoh-contoh yang jelas, bincangkan **empat** unsur tipainduk yang utama, dan perlihatkan kepentingannya dalam pemahaman atau penghayatan terhadap sesuatu hasil kesusasteraan.
2. Kisah kezaliman raja merupakan suatu tema umum yang sering ditemui di dalam khazanah kesusasteraan Asia. Walau bagaimanapun, kisah kezaliman Raja Zahhak yang terdapat di dalam *Shahnama* memiliki ciri-ciri yang khusus dalam kepercayaan masyarakat Parsi purba. Bincangkan ciri-ciri khusus kezaliman Raja Zahhak tersebut dan perlihatkan persamaannya dengan kisah kezaliman raja yang terdapat di dalam tradisi lain di Asia.

3. Kepercayaan kepada wujudnya perhubungan secara langsung antara manusia dengan alam kehidupan di kayangan telah membentuk suatu unsur tipainduk yang universal bagi masyarakat di seluruh dunia. Huraikan **dua** faktor utama yang menyebabkan timbulnya kepercayaan tersebut. Berdasarkan huraian yang berkenaan, bincangkan kisah hubungan manusia dengan makhluk alam kayangan seperti yang terdapat di dalam *The Tale of Prince Sammutakote*. Nyatakan juga **dua** perbezaan yang wujud tentang hubungan manusia dengan alam kayangan yang terdapat di dalam *The Tale of Prince Sammutakote* berbanding dengan sebuah cerita penglipurlara Melayu yang anda ketahui.
4. Cerita “dunia terletak di atas tanduk lembu” yang terdapat di dalam *Qisas al-Anbiya* menggambarkan aspek pemikiran masyarakat Arab purba tentang kosmologi yang mitikal sifatnya. Bincangkan. Nyatakan **empat** faktor yang menyumbang ke arah tersebarnya mitos tersebut dalam kehidupan masyarakat Melayu.

### **Bahagian B**

5. Sumbang mahram merupakan satu tema universal yang muncul dalam kesusasteraan Timur dan Barat. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perbezaan dasar dalam cerita-cerita daripada dua benua yang berlainan. Dengan penelitian anda terhadap dua buah karya dari Asia dan sebuah karya dari Eropah, buktikan kebenaran kenyataan di atas. Berdasarkan kepada hakikat ini berikan kritikan anda terhadap teori Sigmund Freud tentang tema sumbang mahram.
6. Sufisme dalam Islam telah melahirkan doktrin kerohanian dan juga karya-karya kesusasteraan yang istimewa. Berdasarkan puisi Sufi dari pengarang yang anda pilih, bincangkan sejauhmana adanya kesejajaran di antara doktrin kerohanian dan sifat serta isi dalam puisi yang tercipta.
7. Tema “kepulangan” sebagai salah satu tipainduk dapat dianggap wujud dalam kesusasteraan Islam. Sejauhmanakah anda fikir karya Farid ad-Din Attar yang berjudul *Mantiq at-Tair* dapat dianggap sebagai mengenengahkan tema ini? Bincangkan sifat kepulangan seorang insan yang dikemukakan oleh pengarang.

8. Banyak cerita nabi di dalam al-Quran telah diolah semula oleh penulis-penulis Islam untuk maksud pengajaran dan hiburan. Dalam berbuat demikian, telah berlaku perbezaan yang jelas antara cerita-cerita kreatif ini berbanding cerita-cerita dari al-Quran, baik dari sudut objektif, isi atau pun kesan cerita-cerita tersebut. Berdasarkan kepada salah sebuah cerita nabi yang berkenaan, bincangkan dengan kritis sejauh mana benarnya pernyataan di atas.

-- oo000oo --